

'Aku' dalam norma interpretasi masyarakat di Sabah

ABSTRAK

'Aku' merupakan kata ganti nama diri yang mempunyai perkaitan dengan aspek kebahasaan dan nilai kesantunan masyarakat Melayu. Penggunaan yang salah dan tidak mematuhi norma masyarakat Melayu dianggap kurang santun dalam berbahasa. Penggunaan tersebut sinonim dengan masyarakat di Sabah kerana amalan berbahasa ini ada kalanya menimbulkan kekeliruan dalam kalangan penyapa dan pesapa yang tidak mempunyai pengalaman berkomunikasi dengan masyarakat di Sabah. Hal ini demikian kerana masyarakat di Sabah menggunakan 'aku' bukan sahaja kepada pesapa yang berlainan status dan usia, bahkan juga terhadap orang yang baharu dikenali. Keadaan ini bukanlah menunjukkan ketidaksantunan dalam berbahasa tetapi lebih dipengaruhi oleh faktor budaya kerana penggunaannya ada kaitan dengan perbezaan penggunaan bahasa mengikut budaya. Oleh hal yang demikian, kajian penggunaan 'aku' dalam perbualan sehari-hari masyarakat di Sabah khususnya di Lahad Datu dilakukan untuk mengenal pasti penggunaan 'aku' mengikut konteks dalam kalangan penyapa dengan pesapa dan juga untuk membincangkan kelainan penggunaannya dalam kalangan masyarakat di Sabah. Kaedah kualitatif digunakan sebagai pendekatan kajian, manakala data kajian dikumpul melalui kaedah pemerhatian. Komponen Komunikasi Saville-Troike (1991) pula dijadikan medium untuk menganalisis dapatan kajian. Hasil kajian mendapati penggunaan 'aku' dalam kalangan masyarakat di Lahad Datu mempunyai kelainannya yang tersendiri kerana terdapat unsur kesantunan, kekuasaan, keakraban, kemesraan dan kekitaan dalam penggunaannya. Dengan demikian, kajian yang dijalankan dapat menambah pengetahuan tentang budaya masyarakat berbahasa di Sabah untuk mengenal pasti corak interaksi sosial dalam masyarakat dan juga dapat membantu memahami serta memberikan gambaran penggunaan 'aku' dalam budaya masyarakat Melayu khususnya terhadap masyarakat di Lahad Datu.